1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Peraturan
Pemarkahan
Ogos
2019
2 jam

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA**
**SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

# PENDIDIKAN ISLAM

**Kertas 1**

# PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSMNS**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

**Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak**

[Lihat halaman sebelah

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | ● | D | 21 | sihir |
| 2 | A | B | C | ● | 22 | syirik jali |
| 3 | A | ● | C | D | 23 | 80 kali sebatan |
| 4 | A | B | ● | D | 24 | Majlis Tahkim |
| 5 | A | ● | C | D | 25 | membunuh diri |
| 6 | ● | B | C | D | 26 | nusyuz |
| 7 | A | B | ● | D | 27 | wajib |
| 8 | A | B | ● | D | 28 | Tidak melebihi 4 orang isteri |
| 9 | A | B | C | ● | 29 | wajib |
| 10 | A | B | C | ● | 30 | binatang al-An'am / binatang ternakan berkaki empat yang halal dimakan. |
| 11 | A | B | C | ● | 31 | sewa |
| 12 | ● | B | C | D | 32 | saham |
| 13 | A | B | C | ● | 33 | syarikat |
| 14 | A | ● | C | D | 34 | harbi |
| 15 | A | ● | C | D | 35 | Syiah Batiniyyah |
| 16 | ● | B | C | D | 36 | Al-Imam As-Syafie |
| 17 | ● | B | C | D | 37 | Khatib al-Ummah |
| 18 | A | ● | C | D | 38 | sunat |
| 19 | A | ● | C | D | 39 | haram |
| 20 | A | B | ● | D | 40 | makruh |

[Lihat halaman sebelah

## BAHAGIAN B

<table>
<tr><th>No</th><th>Peraturan Pemarkahan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1(a)(i)</td><td>Maksud dadah ialah sejenis bahan yang mengkhayalkan dan menghilangkan daya fikir.</td><td>[1 isi x2m = 2m]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Dua akibat penyalahgunaan dadah terhadap ekonomi negara :<br>- Ekonomi negara menjadi mundur (1m) kerana rakyatnya tiada berdaya maju. (1m)<br>- Banyak wang negara dihabiskan (1m) untuk menyediakan pusat pemulihan. (1m)<br>- Hilang tenaga kerja mahir (1m) yang boleh membangunkan masyarakat dan negara. (1m)<br>- Pelabur asing tidak berminat untuk melabur (1m) kerana imej buruk negara. (1m)<br>[Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.]</td><td>[2 isi x2m = 4m]<br><br>Isi – 1m<br>Huraian – 1m</td></tr>
<tr><td>(b)(i)</td><td>Ajaran sesat ialah ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam (1m) sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah. (1m)</td><td>[2 isi x 1m =2m]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Cara ajaran Bahai dan Taslim mendewa-dewakan pemimpin mereka:<br><table><tr><th>Bil.</th><th>Bahai</th><th>Taslim</th></tr><tr><td>1.</td><td>Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah.</td><td>Menganggap Haji Muhammad Matahari sebagai pemimpin yang maksum.</td></tr></table></td><td>[ 2 isi x 2m=4m]<br><br>1 isi Bahai<br>1 isi Tasliim</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Dua cara mengatasi ajaran sesat daripada terus berlaku:<br>- Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar (1m) melalui proses pembelajaran secara formal atau tidak formal. (1m)<br>- Menyebarkan ajaran Islam melalui pelbagai kaedah (1m) seperti media cetak dan elektronik, serta ceramah. (1m)<br>- Menguatkuasakan undang-undang secara bersepadu (1m) seperti menangkap pengamal ajaran sesat. (1m)<br>- Mengadakan program pemulihan akidah (1m) agar golongan yang terlibat dengan ajaran sesat bertaubat. (1m)<br>[Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.]</td><td>[2 isi x2m = 4m]<br><br>Isi – 1m<br>Huraian – 1m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (c) | **Soalan KBAT**<br>*" Dan fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada membunuh."*<br>Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br><br>Perbuatan menfitnah boleh merosakkan keharmonian masyarakat dan menimbulkan pergaduhan (1m). Ini disebabkan tuduhan yang dilemparkan tanpa bukti yang sahih (1m). Kesannya ia akan menjatuhkan maruah seseorang dan menyebabkannya tidak dapat berhadapan dengan masyarakat(1m). Oleh itu, kita hendaklah menyelesaikan sesuatu masalah dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah supaya kesejahteraan ummah dapat dicapai. (1m)<br><br>**Rubrik penskoran;** | [4 markah]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. | 4m |

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| 2(a)(i) | **Waktu harus bagi melaksanakan ibadat melontar Jamratul Aqabah:**<br>- Selepas tengah malam 10 Zulhijjah sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah (2m)<br>- Selepas tengah malam 10 Zulhijjah (1m)<br>- Sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah. (1m)<br>- Selepas bermalam di Muzdalilfah. (1m) | [1 isi x 2m=2m]. |
| (ii) | **Dua syarat sah ibadat melontar Jamratul Aqabah:**<br>- Menggunakan anak batu<br>- Melontar dengan tangan<br>- Dengan gaya melontar<br>- Batu yang dilontar masuk kedalam takungan yang ditetapkan<br>- Melontar mengikut tertib<br>- Menggunakan 7 biji anak batu dengan yakin | [2 isi x 1m =2m] |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (iii) | **Hikmah melakukan ibadat tersebut**<br>- Mengambil iktibar peristiwa Nabi Ibrahim a.s. mengusir syaitan.<br>- Menghalang sebarang gangguan untuk melakukan kebaikan.<br>- Menentang musuh-musuh Islam di sekeliling kita. | [1 isi x 2m =2m] |
| (b)(i) | **Dua akibat mengabaikan prosedur menasabkan anak angkat kepada bapa kandung :**<br>- Merosakkan nasab keluarga / pertalian keluarga (1m) **kerana** hubungan yang bercampur aduk (1m)<br>- Dilaknat oleh Allah (1m) hingga ke hari kiamat/ **kerana** mengingkari perintah Allah (1m)<br>- Menimbulkan fitnah dalam kalangan masyarakat (1m) **kerana** batas pergaulan / batas aurat tidak dijaga (1m)<br>- Hak anak kandung dalam mewarisi harta pusaka bapanya terjejas (1m) **kerana** haknya dibahagi bersama anak angkat (1m)<br>- Hak anak angkat dalam mewarisi harta pusaka bapa kandungnya terabai (1m) **disebabkan** bin yang berbeza. (1m)<br>- Perkahwinan menjadi batal / tidak sah (1m) **kerana** menggunakan bapa angkat sebagai wali nikah (1m)<br>- | [2 isi x2m =4 m]<br><br>Isi – 1m<br>Huraian – 1m |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | **Kemukakan pandangan anda , bagaimana mereka boleh menyelesaikan masalah pergaulan dalam keluarga agar selari dengan ajaran Islam.**<br><br>Cadangan jawapan :<br>- Menjadikan anak angkat sebagai anak susuan<br>- Mengambil anak angkat daripada kalangan ahli keluarga sendiri (seperti anak saudara)<br>-<br>**Contoh jawapan :**<br><br>Mereka bolehlah mengambil anak angkat daripada kalangan ahli keluarga mereka sendiri (1m) seperti anak kepada saudara kandung mereka (1m). Kesannya mereka boleh bergaul dengan selesa tanpa melanggar batasan syarak kerana mereka adalah mahram. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mengambil berat tentang tatacara mengambil anak angkat bagi menjamin kesejahteraan keluarga. (1m)<br><br>**Rubrik penskoran;** | [4 markah]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| (c)(i) | **Dua sebab kuasa wali nasab berpindah kepada wali hakim:**<br>- Tiada wali nasab ikut susunan.<br>- Wali akrab tidak dapat dikesan<br>- Wali tinggal jauh dari dua marhalah.<br>- Wali akrab dalam tahanan dan tidak dapat dihubungi<br>- Wali sedang dalam ihram haji dan umrah<br>- Wali menyembunyikan diri<br>- Wali setaraf bergaduh dan tidak dapat diselesaikan<br>- Wali enggan mewalikan perempuan itu<br>- Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan itu dan tiada wali lain yang setaraf dengannya. | [2 isi x 2m =4m] |

Rubrik penskoran (bahagian (ii)):

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. | 4m |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | **Hukum dan alasan :**<br><br>Hukum : Sah (1m)<br>Alasan : kerana Wali tinggal jauh melebihi dua marhalah (1m) | [2 isi x1m =2 m]<br><br>Hukum – 1m<br>Alasan – 1m |
| 3(a)(i) | **Dua ciri kepimpinan khulafa' ar-Rasyidin:**<br><br>- Melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah (2m) dengan tidak menggunakan harta negara untuk kepentingan peribadi<br>- Memperketatkan undang-undang berdasarkan al-Quran dan as-sunnah. (2m)<br>- Memberi layanan yang sama rata kepada rakyat tanpa mengira status. (2m)<br>- Berani dan tegas dalam mendaulatkan agama Islam dan membangunkan negara. (2m)<br>- Bersifat tawaduk ketika menjalankan tugas. (2m)<br>- Bersifat terbuka dan bersedia menerima pendapat rakyat. (2m)<br>- Sanggup berkorban harta dan kekayaan untuk menegakkan agama Allah. (2m) | [2 isi x2m =4 m] |
| (ii) | **Dua akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' ar-Rasyidin :**<br><br>- Negara Islam selepas Khulafa' ar-Rasyidin dipimpin oleh khalifah secara warisan (1m) **kerana** mengutamakan keturunan. (1m)<br>- Keadaan menjadi kacau bilau (1m) **kerana** pembunuhan Khulafa' ar-Rasyidin Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib. (1m)<br>- Berlakunya peperangan sesama sendiri (1m) **kerana** terdedah dengan fitnah. (1m)<br>- Orang munafik berpeluang memecahbelahkan umat Islam(1m) **kerana** umat Islam tidak bersatu. (1m)<br>- Timbulnya perpecahan aliran pemikiran(1m) **seperti** Ahlu as-Sunnah dan Syiah. (1m) | [2isi x 2m =4 m]<br><br>Isi – 1m<br>Huraian – 1m |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (b)(i) | **Dua metode Syeikh Muhammad Abduh :**<br>- Melalui proses pengajaran(1m) **di** Masjid al-Hussain, Darul Ulum dan Universiti al-Azhar. (1m)<br>- Melalui media massa (1m) **seperti** majalah al-Urwatul Wusqa serta akhbar al-Waqai' al-Misriyyah dan al-Ahram. (1m)<br>- Melalui karya ilmiah beliau (1m) **seperti** Risalah at-Tauhid, Tafsir Juz Amma, at-Tahrir fi al-Islah al-Mahakim as-Syariah dan sebagainya.<br>- Melalui jawatan yang disandangnya(1m) **seperti** Hakim Mahkamah Rayuan Mesir, Ahli Majlis Pengurusan Universiti al-Azhar dan mufti Kerajaan Mesir. | [2 isi x2m =4 m]<br><br>Isi – 1m<br>Huraian – 1m |
| (ii) | **Faktor beliau melakukan pengislahan dalam sistem pendidikan :**<br>- Inspirasi gerakan as-Sayyid Jamaluddin yang menjurus ke arah mewujudkan integrasi ilmu.<br>- Kesedaran as-Syeikh Muhammad Abduh terhadap keperluan kepada islah di dalam kurikulum sekolah dan universiti yang sudah ketinggalan zaman.<br>- Sistem pendidikan pada masa itu yang lebih menjuruskan ke arah taklid dan jumud ( pasif)<br>- Kekurangan prasarana pendidikan serta bantuan dari kerajaan yang menyebabkan golongan miskin terpinggir. | [1 isi x2m =2 m] |
| 3(c)(i) | **Dua adab berzikir:**<br>- Menyebut lafaz zikir dengan betul serta memahami maksudnya.<br>- Berzikir dalam keadaan bersih dan suci daripada hadas.<br>- Zikir dengan lafaz-lafaz yang terdapat di dalam nas al-Quran atau as-Sunnah.<br>- Merasa kehebatan kekuasaan dan keagungan Allah.<br>- Menggunakan suara yang perlahan.<br>- Perbanyakkan berzikir dalam suasana genting.<br>- Berzikir dengan lafaz tertentu mengikut keadaan dan tempat.<br>- Tidak berzikir semasa qadha' hajat. | [2 isi x1m =2 m] |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | **KBAT :**<br><br>Contoh Jawapan:<br><br>Tindakan saya bagi mendapat kelebihan seperti yang dinyatakan dalam hadis di atas ialah saya akan menjadikan zikir tersebut sebagai amalan harian (1m) . Contohnya, membacanya setiap kali selepas solat fardu (1m) . Kesannya, saya akan sentiasa merasa dekat dengan Allah serta mendapat keampunanNya (1m). Oleh itu, kita hendaklah melazimi berzikir kepada Allah agar hidup mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. (1m)<br><br>**Rubrik penskoran;**<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table> | [4 markah]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| 4(a)(i) | **Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah**:<br><br>- Kestabilan politik (1m) **menyebabkan** pemerintah dapat membangunkan negara. (1m)<br>- Dasar politik kerajaan yang adil (1m) **seperti** memberi layanan yang saksama kepada semua rakyatnya.(1m)<br>- Kedudukan Baghdad yang strategik (1m) **yang** menjadi laluan utama para pedagang menggiatkan lagi sektor ekonomi.(1m)<br>- Perpaduan antara kaum (1m) **kerana** pemerintahan yang adil. (1m)<br>- Penghayatan konsep kerja sebagai satu ibadah (1m) **menyebabkan** para sarjana terdorong untuk mengkaji tentang muamalat menurut pandangan Islam. (1m) | [2 isi x2m =4 m]<br><br>Isi – 1m<br>Huraian – 1m |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | **Dua keistimewaan Baghdad :**<br>- Kedudukan yang strategik menjadi laluan perdagangan timur dan barat.<br>- Terdapat sebuah pasar yang dikenali sebagai " Suq Baghdad" yang menjadi tumpuan para pedagang Parsi.<br>- Terdapat ladang-ladang pertanian dan ternakan serta sebuah pasar yang dikenali sebagai " Suq al-Baqar". | [2 isi x2m =4 m] |
| **(b)**(i) | **Bukti beliau bersifat sedemikian :**<br>- Beliau tidak menerima hadiah atau pemberian tanpa membuat kerja. | [1 isi x2m =2 m] |
| (ii) | **Dua kehebatan Al-Imam Ahmad bin Hanbal :**<br>- Digelar al-Hakim kerana menghafaz lebih daripada 700,000 hadis serta mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ilmu hadis.<br>- Sangat alim dan pakar dalam menyelesaikan masalah hukum feqah. | [2 isi x 2m =4m] |
| **(c)**(i) | Maksud pemimpin ialah orang yang dipertanggungjawabkan memimpin sekumpulan manusia atau sesebuah organisasi. | [ 1 isix 2m =2m] |

[Lihat halaman sebelah

| No | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | **KBAT**<br><br>Jawapan contoh:<br><br>Saya akan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran (1m) supaya saya dapat memimpin dengan baik.(1m) Kesannya pembangunan dalam masyarakat dapat dijalankan dengan lancar.(1m) Kesimpulannya, kepemimpinan yang baik pada masa akan datang hendaklah disemai sejak awal lagi supaya negara maju. (1m) | [4 markah]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

**Rubrik penskoran;**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**